

Bahan 2 - Keratan berita

Mahasiswa ceburi pertanian

Kurangkan masalah pengangguran, atasi kekurangan bekalan makanan

LANCHANG - Mahasiswa perlu diberi pendedahan berkaitan status sebenar sektor pertanian supaya minda mereka terbuka untuk melihat potensi dalam bidang ini.

Pegawai Pertanian Temerloh, Jusri Yusop berkata, majoriti lepasan universiti berkecimpung memilih dan cawet dalam mendapatkan pekerjaan menyebabkan bilangan siswazah menganggur meningkat.

Menurutnya, pihaknya bersedia memberikan tunjuk ajar dan pencerahan kepada maha-mahasiswa yang berminat mengetahui secara terperinci berkaitan bidang pertanian pada masa kini.

"Bidang pertanian kini bukan seperti masa lampau di mana keadaan sekarang jauh lebih maju seiring perkembangan teknologi. Tugas petani kini menjadi lebih mudah dengan adanya pelbagai jentera dan teknologi."

"Kebanyakan graduan cenderung bekerja dalam sektor kerajaan atau swasta. Sebenarnya, ilmu ketika menuntut di universiti boleh dikombinasikan dengan sektor pertanian dan usaha gigih mampu menjadikan mereka sebagai petani yang berjaya," katanya.

Ia berkata demikian kepada *Sinar Harian* selepas membawa 120 mahasiswa Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) ke projek Tanaman Kekal Penghasilan Makanan (TKPM), dekat sini.

Jusri berkata, dia harap dengan pendedahan itu menjadi pembakar semangat kepada golongan siswazah untuk mencemburi bidang pertanian.

Menurutnya, usaha ini membolehkan kerajaan mengeksport lebih banyak bahan makanan terutama buah-buahan tempatan dalam usaha meningkatkan ekonomi negara.

"Dalam hal ini, Jabatan Pertanian di setiap daerah akan memantau perkembangan petani dan sedaya upaya membantu supaya perusahaannya itu mengeluarkan hasil yang banyak dan lumayan."

"Tindak jabatan juga sedia memberi tunjuk ajar dan sebagainya kepada petani yang baru berjinjak-jinjak dalam sektor ini," katanya.



Pelajar UPSI bergambar di TKPM, Lanchang selepas mengadakan lawatan bersama Jabatan Pertanian Temerloh.

Bahan 3 - Grafik

Pencapaian Utama 2020

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

PENUBUHAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA

Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) telah dirangka berdasarkan konsep sekuriti makanan terkini yang diterbitkan Oleh Food Agriculture Organisation Of The United Nations (FAO).



@JPenerangan Japenmalaysia Jabatan Penerangan Malaysia Jabatan Penerangan Malaysia @japentv

Analisis Soalan

- Tema : _____
- Fokus 1 : _____
- Fokus 2 : _____
- Fokus 3 : _____